

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14/12/2010

Peluang lebih besar untuk Petronas

# Terokai minyak, gas di Brunei

## BANDAR SERI BEGAWAN

13 Dis. - Petronas berkemungkinan mendapat peluang yang lebih besar pada masa akan datang untuk mengambil bahagian dalam pembangunan di dua blok kawasan laut dalam Brunei yang kaya dengan rizab gas dan petroleum.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata ini berikutan penglibatan Petronas dalam perjanjian perkongsian pengeluaran (PSA) untuk Blok CA2 dengan Brunei National Petroleum Company Sdn Bhd (PetroleumBRUNEI) di sini, hari ini.

Pemeteraian perjanjian itu dilakukan dalam satu acara tertutup yang diadakan di Dewan Baitul Al-Mesyuarah di Istana Nurul Iman yang turut disaksikan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah.

Dalam perjanjian itu, Petronas diwakili Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Shamsul Azhar Abbas sementara PetroleumBRUNEI diwakili Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Azren Taib.

Bercakap dalam satu sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu, Najib berkata Sultan Bolkiah turut mengalu-alukan persefahaman yang dicapai oleh kedua-dua syarikat itu.

"Ke Bawah Duli Tuanku telah menyatakan rasa puashati dengan segala persefahaman yang dicapai dan ada kemungkinan Petronas dapat diberi peluang yang lebih besar pada masa-masa yang akan datang," katanya.

Dalam pertemuan empat mata itu, katanya Sultan Bolkiah juga telah melahirkan hasrat untuk memperluaskan pelaburan Brunei di Sabah, Sarawak dan di Wilayah Iskandar, di samping meneruskan pelaburan dalam sebuah hotel terkemuka yang terletak di kawasan Pus't Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Najib berkata dialog dan perbincangan juga akan terus dijalankan



NAJIB Tun Razak beriringan dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah selepas menyaksikan majlis memeterai Perjanjian Perkongsian Produksi (PSA) bagi Blok CA2 antara Petronas Carigali dan PetroleumBRUNEI di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, semalam. - BERNAMA

kan pada peringkat kementerian yang berkenaan dari kedua-dua negara bertujuan untuk meningkatkan perhubungan antara Sabah, Sa-

rawak dan Brunei dan memudahkan perjalanan rakyat Brunei dan Malaysia. Sementara itu, Shamsul Azhar memberitahu pemberita ba-

hawa PSA dengan PetroleumBRUNEI untuk Blok CA2 melibatkan tempoh 40 tahun.

Bagaimana pun, beliau tidak da-

pat mengulas lanjut berkenaan dengan keluasan sebenar kawasan blok berkenaan dan saiz rizabnya.